

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13 FEBRUARY 2017

Belia digesa tolak revolusi rencatkan negara

→ PM mahu Gen Y bersikap holistik tuntutan perubahan

BH-13/2/2017

Oleh Adha Ghazali
adha@bh.com.my

Alor Setar

Datuk Seri Najib Razak mahu belia negara ini menukar paradigma pemikiran, agar lebih bersifat holistik untuk mendepani cabaran dunia baharu, termasuk mengekang gerakan berunsurkan revolusi yang dikhuatiri merencatkan kelancaran politik serta pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata, gerakan yang dikhuatiri membawa perubahan mengejut itu, dibimbangi mencetus kesan mirip 'Arab Spring' yang menyebabkan beberapa negara, kini masih kucar-kacir dan berdepan pelbagai konflik dalam.

Beliau berkata, dalam mendepani cabaran dunia dan paradigma baharu, rakyat mesti faham matlamat untuk sampai ke destinasi ditetapkan itu, maka kesinambungan pada pemerintahan dalam negara juga haruslah diteruskan.

"Pemerintahan tergecat dalam bentuk revolusi atau perubahan mengejut, tidak menjanjikan sesuatu yang indah. Sesuatu yang kita fikir indah sebab termakan hasutan dan janji manis ketika orang mahukan jawatan atau kuasa, amat berbahaya kerana dia akan berjanji macam-macam.

Negara lemah, kucar-kacir

"Ini semua sudah terbukti ketika timbulnya 'Arab Spring' yang mencetus revolusi di Mesir, Libya dan beberapa negara lain yang juga berkocak politiknya. Hari ini, semua negara terbabit berada dalam keadaan lemah, kucar-kacir dan ada perang saudara, konflik dalaman amat dahsyat sehingga rakyat kata lebih baik (kerajaan) dulu berbanding kini," katanya sempena Program Himpunan Gen Y Bersama PM di Dataran Alor Setar, di sini.

Sempena program disertai lebih 10,000 peserta majoritinya belia yang diklasifikasikan sebagai Gen Y itu, Perdana Menteri mengumumkan kelulusan peruntukan RM30



Najib bersama Ahmad Bashah serta orang ramai menyertai Program Himpunan Gen Y Bersama PM di Dataran Alor Setar, semalam.



Pemerintahan tergecat dalam bentuk revolusi atau perubahan mengejut, tidak menjanjikan sesuatu yang indah. Sesuatu yang kita fikir indah sebab termakan hasutan dan janji manis ketika orang mahukan jawatan atau kuasa, amat berbahaya kerana dia akan berjanji macam-macam"

Najib Razak,
Perdana Menteri

juta untuk pembinaan litar lumba khusus bagi kegunaan orang muda di Sungai Petani, sekali gus memunaikan akujanji Barisan Nasional (BN) ketika Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) lalu.

Beliau yang ditemani isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, selaku Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAK-TI) turut sama-sama menyampaikan sumbangan wang tunai dan barangan keperluan kepada 17 warga orang kurang upaya (OKU).

Terdahulu, Najib bersama Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, menyertai Program Kayuhan BARAKAH membabitkan jarak 3 kilometer (km) melalui Lebuhraya Darul Aman, Jalan Tunku Ibrahim, Jalan Sultan Badlishah dan Jalan Teluk Wanjah, yang disertai lebih 200 peserta.

Perdana Menteri ketika menyentuh isu berkaitan belia dan Gen Y, menyuarakan komitmen terus menyokong pembangunan golongan yang disifatkan sebagai permata yang sungguh bernilai bagi negara,

melalui penyediaan latihan, kemudahan online (dalam talian), keusahawanan, perubahan sistem pendidikan dan kurikulum supaya bersesuaian dengan kehendak dunia baharu yang disasarkan.

"Gen Y aset negara yang paling perlu kita beri perhatian kerana mereka yang kini berada di sekolah rendah akan mengisi pekerjaan yang mana pada hari ini belum lagi wujud.

"Gen Y hari perlu tukar paradigma pemikiran supaya lebih holistik dan komprehensif...kalau dulu kita keluar nak cari kerja dengan kerajaan, tetapi akan datang kita nak cari peluang yang tak semestinya kerja dari 8.30 pagi hingga 5 petang.

"Mungkin melalui keusahawanan atas talian...saya sendiri galakkan MDEC (Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia) buat e-rezeki dan e-usahawan yang mana saya jumpa usahawan muda yang bercita-cita nak jadi jutawan online (dalam talian) pada usia 20-an...ini perubahan paradigma berfikir yang perlu ada pada Gen Y," katanya.

